

CNS4316

U GB 27-01 00195 BB866

BAH

Mahathir - Francois

SISTEM FRANCAIS ANTARA STRATEGI BENTUK MASYARAKAT NIAGA

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Sistem perniagaan francais ialah antara strategi kerajaan untuk membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera yang berdaya tahan dan berdaya maju selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Nasional, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata, semua urusan bersabit dengan francais akan dikendalikan sepenuhnya oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, yang dilantik sebagai Pusat Francois Setempat.

"Dalam konteks perancangan dan pelaksanaan di negara kita untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera yang berdaya tahan dan berdaya maju, pelaksanaan perniagaan melalui sistem francais merupakan suatu perubahan yang sesuai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan serentak Program Perniagaan Francois, Perniagaan-perniagaan Francois dan Persidangan Francois Antarabangsa Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, hari ini.

Katanya, kajian menunjukkan peratusan kegagalan perniagaan secara francais amat rendah iaitu hanya lima peratus berbanding dengan 62.2 peratus bagi perniagaan baru yang bukan berbentuk francais.

Perniagaan secara francais juga, katanya, telah mengubah bentuk perniagaan di Amerika Syarikat dan negara-negara maju yang lain seperti Kanada, Britain, Perancis dan Jepun. -- Lagi.

▼27/01/18-21MST

U GB 27-01 00153 BB868

BAH

Mahathir -- Francois 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, perniagaan secara francais sudah menjadi satu kaedah pengedaran produk dan perkhidmatan yang terbukti dan diterima.

Ini kerana perniagaan melalui sistem itu secara keseluruhannya akan dapat membentuk pengurusan perkhidmatan dan jualan runcit yang lebih tinggi tahapnya, meningkatkan produktiviti, pengedaran produk dan perkhidmatan menjadi lebih cekap, meningkatkan bantuan teknikal dan mewujudkan asas cukai yang lebih luas.

"Kita seharusnya menerima hakikat bahawa negara kita menjelang abad ke-21 akan mempunyai perniagaan yang tidak lagi berbentuk milik persendirian. Perniagaan secara keluarga tidak lagi boleh digunakan sebagai suatu strategi pertumbuhan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, perniagaan secara keluarga masih boleh dikembangkan jika kaedah francais digunakan iaitu dengan satu keluarga memiliki dan mengurus satu saluran keluar sendiri.

Dengan kaedah itu juga, katanya, peluang terbuka untuk usahawan dan peniaga bumiputera yang mempunyai modal dan penuh komited melibatkan diri dalam perniagaan berkenaan. -- Lagi.

▼27/01/18-44MST

U GB 27-01 00127 BB869

BAH

Mahathir - Francois 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, walaupun sistem francais menambah peluang bumiputera memasuki perniagaan yang terkenal, sistem itu bukanlah cara untuk berniaga tanpa modal sendiri sama sekali dan tanpa risiko.

"Sistem francais ialah sistem perniagaan dan bukan sistem mendapat duit percuma," katanya.

Katanya, kejayaan pelaksanaan sistem francais memerlukan sikap saling mempercayai dan tanggungjawab bersama terutamanya antara francaisor dan francais.

Di negara ini, katanya, permuafakatan di dalam perniagaan seumpama itu sesuai kerana dapat membantu mewujudkan suatu rangkaian perniagaan yang amat baik.

Permuafakatan atau "perkahwinan" melalui sistem itu juga, katanya, merupakan antara asas penting pencapaian matlamat Wawasan 2020, iaitu mewujudkan sebuah negara maju yang bersatu padu, kukuh dan yang berasaskan satu bangsa Malaysia. -- Lagi.

▼27/01/19-17MST

CNS4403

U GB 27-01 00139 BB870

BAH

Mahathir - Francois 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagi kerajaan pula, Dr Mahathir berkata, masanya sudah tiba untuk memperkenalkan sistem francais sebagai antara strategi yang baik untuk syarikat-syarikat kerajaan.

"Tambahan pula perniagaan francais membolehkan kita mengurus pelaburan yang kita lakukan, tidak seperti pelaburan dalam saham," katanya.

Katanya, penyertaan melalui pembelian saham tidak menjanjikan keupayaan untuk memiliki perniagaan itu dan menentukan arah tujuannya kerana dasar dan pengurusan perniagaan berkenaan dibuat pihak lain.

Pulangan daripada perniagaan francais pula, katanya, sama jika tidakpun lebih daripada dividen dan naik nilai pasaran saham-saham yang dibeli.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak bermakna pelaburan di pasaran saham tidak baik.

"Jika kita berhati-hati dan tidak terlalu mengharap kekayaan yang senang, kita boleh melabur dalam pasaran saham. Pasaran ini bukan untuk main-main," katanya. -- Bernama.

AH KAM.

▼27/01/19-17MST